

**PENGARUH PEMIKIRAN AL-DIHLAWI
MENGENAI TAKLIF DALAM KITAB *HUJJAT
ALLAH AL-BALIGHAH* TERHADAP PEMIKIRAN
SASTERA ISLAM MOHD. AFFANDI HASSAN
DALAM GAGASAN PERSURATAN BARU**

THE INFLUENCE OF AL-DIHLAWI'S THOUGHTS ABOUT
TAKLIF IN *HUJJAT ALLAH AL-BALIGHAH* ON MOHD.
AFFANDI HASSAN'S THOUGHTS ON ISLAMIC
LITERATURE IN *PERSURATAN BARU*

Akalily Narmi, Mohd. Zariat Abdul Rani^{*e}, Kamariah
Kamarudin*, Pabyah Hajimaming @ Toklubok***

*Department of Malay Language. Faculty of Modern
Languages and Communication. Universiti Putra Malaysia
(UPM). 43400. Selangor. Malaysia.

**Department of Foreign Languages. Faculty of Modern
Languages and Communication. Universiti Putra Malaysia
(UPM). 43400. Selangor. Malaysia.

Email: ^{*e}zariat@upm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol25no1.7>

Abstract

This study stems from the contribution of al-Imam al-Shaykh Ahmad Qutb al-Din Shah Waliyullah 'Abd al-Rahim al-Dihlawi or better known by the name of Shah Waliyullah al-Dihlawi (henceforth al-Dihlawi), an Islamic scholar who was born in the 18th century in India. Among his most well-known book is *Hujjat Allah al-Balighah* which was published in 1732 and has been translated into several languages including English, Indonesian and Malaysian language. This translation explains the importance of this book, especially the influence of al-Dihlawi's ideas among Muslims outside the region of India. In this context, this study argues that al-Dihlawi's ideas particularly on the philosophy of *taklif* in *Hujjat Allah al-Balighah* has also influenced the thoughts on Islamic

literature in Malaysia. These influences are manifested in the postulation of “*Persuratan Baru*” (translated by Mohd. Affandi as “Genuine Literature”) by Mohd. Affandi Hassan. This study aims to discuss al-Dihlawi’s ideas on the philosophy of *taklif* in *Hujjat Allah al-Balighah*, and further conclude on his contributions to Mohd. Affandi Hassan’s *Persuratan Baru*. This study utilises the content analysis method for analysing study materials which are texts. This study finds that al-Dihlawi’s *Hujjat Allah al-Balighah* among other explicates the philosophy of *taklif* which refers to the imposition of divine accountability and responsibility upon man. By utilizing *taklif*, *Persuratan Baru* frames literary activity in the context of *fitrah*, i.e., the natural human inclination to submit to Allah S.W.T. The use of *taklif* in *Persuratan Baru* also enables the evaluation of literary works based on their portrayal of true Islamic values.

Keywords: Shah Waliyullah al-Dihlawi; *Hujjat Allah al-Balighah*; *taklif*; Mohd. Affandi Hassan; Genuine Literature (*Persuratan Baru*).

Khulasah

Kajian ini bertitik tolak daripada sumbangan al-Imam al-Shaykh Ahmad Qutb al-Din Shah Waliyullah ‘Abd al-Rahim al-Dihlawi atau lebih dikenali dengan nama Shah Waliyullah al-Dihlawi (selepas ini disebut al-Dihlawi), iaitu seorang ilmuan Islam yang lahir pada abad ke-18 Masihi di India. Antara kitab karangan beliau yang mashyur ialah *Hujjat Allah al-Balighah* yang dikarang pada tahun 1732, dan telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa antaranya bahasa Inggeris, bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia. Terjemahannya ini menjelaskan tentang pentingnya kitab ini, khususnya pengaruh pemikiran al-Dihlawi (juga disebut sebagai *Tariq Shah Wali Allah al-Dihlawi*) terhadap masyarakat Islam di luar wilayah India. Dalam konteks ini, kajian ini menghujahkan bahawa pemikiran al-Dihlawi,

khususnya berkaitan taklif dalam *Hujjat Allah al-Balighah* turut mempengaruhi pemikiran tentang kesusteraan Islam di Malaysia. Pengaruh ini dimanifestasikan dalam ‘Persuratan Baru’, sebuah gagasan pemikiran yang dicetuskan oleh Mohd. Affandi Hassan. Kajian ini bertujuan membincangkan pemikiran al-Dihlawi berkaitan falsafah taklif dalam kitab *Hujjat Allah al-Balighah*, dan seterusnya menganalisis pemanfaatannya oleh Mohd. Affandi Hassan dalam gagasan Persuratan Baru. Kajian ini mengguna pakai kaedah analisis kandungan bagi menganalisis bahan-bahan kajian yang terdiri daripada teks. Kajian ini mendapati bahawa *Hujjat Allah al-Balighah* antara lain menghuraikan falsafah taklif yang merujuk kepada pembebanan manusia dengan tanggungjawab untuk beribadah kepada Allah S.W.T. Dengan memanfaatkan taklif, Persuratan Baru meletakkan kegiatan sastera dalam konteks fitrah, iaitu kecenderungan semula jadi manusia untuk beribadah kepadaNya. Pemanfaatan taklif turut membolehkan Persuratan Baru untuk menilai karya sastera berasaskan kerangka nilai yang diasaskan pada ilmu yang benar di sisi Allah S.W.T.

Kata kunci: Shah Waliyullah al-Dihlawi; *Hujjat Allah al-Balighah*; taklif; Mohd. Affandi Hassan; Persuratan Baru.

Pengenalan

Dalam bidang pemikiran Islam terutamanya selepas abad ke-18 Masihi, nama Shah Waliyullah Al-Dihlawi rata-rata tercatat sebagai antara tokoh mujaddid yang membawa pemikiran baharu.¹ Al-Dihlawi atau nama penuh beliau, Ahmad Qutb al-Din Shah Waliyullah ‘Abd al-Rahim al-

¹ Abdul Hayei Abdul Sukor, “Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawi Kepada Ilmu Hadith dan Pengaruhnya di Kelantan”, Tesis PhD, Universiti Malaya, 1988, 73; Zainuddin Idris & Nik Hassan Nik Abdullah, *Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi 1* (Gombak: IIUM Press, 2015), 840.

Dihlawi (1703-1763) dilahir di Delhi dan merupakan anak kepada Shah ‘Abd al-Rahim, seorang ulama yang juga terkenal di India.² Al-Dihlawi pernah menuntut ilmu di Mekah dan Madinah dengan ulama tersohor seperti Shaykh Abu Tahir al-Kurdi al-Madani, Shaykh Wafid Allah al-Makki dan Shaykh Taj al-Din al-Qalai al-Hanafi.³

Antara kitab karangan beliau ialah *Hama ‘at*, *Sata ‘at*, *Futuh al-Haramayn*, *al-Qawl al-Jamil*, *Lamahat*, *Altaf al-Quds*, *al-Khayr al-Kathir* dan *Musawwa* yang membahaskan ilmu biografi, undang-undang dan tasawuf. Kitab *Hujjat Allah al-Balighah* dianggap sebagai antara karangan beliau yang penting serta mendapat perhatian yang luas dalam bidang keilmuan.⁴ *Hujjat Allah al-Balighah* telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Marcia K. Hermansen, bahasa Indonesia oleh Nuruddin Hidayat dan C. Ramli Bihar Anwar dan bahasa Melayu oleh Zainuddin Idris dan Nik Hassan Nik Abdullah. Dapat dikatakan bahawa penterjemahan ini dapat memperluaskan lagi pemanfaatan pemikiran al-Dihlawi ke seluruh dunia terutamanya di alam Melayu.

Sorotan Kajian Pemikiran al-Dihlawi dalam *Hujjat Allah al-Balighah*

Pengamatan awal mendapati bahawa pemikiran al-Dihlawi dalam *Hujjat Allah al-Balighah* antaranya telah dimanfaatkan oleh Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Affandi) dalam membahaskan permasalahan yang melanda kegiatan sastera Melayu moden. Affandi merupakan seorang pengkritik sastera dan penulis yang tidak asing dalam dunia sastera Melayu hari ini,

² Nuruddin Hidayat & C. Ramli Bihar Anwar, *Hujjah Allah Al-Balighah: Argumen Puncak Allah: Kearifan dan Dimensi Batin Syariat* (Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta, 2005), 389.

³ *Ibid.*, 685.

⁴ Hermansen, Marcia K., *The Conclusive Argument from God* (Leiden: E.J. Brill, 1996), xxxvi; Abdul Hayei, “Sumbangan Shah Waliyullah Al-Dihlawi, 66.

terutamanya gagasan beliau tentang kesusasteraan Islam yang dikenali sebagai “Persuratan Baru”. Sebagai satu gagasan pemikiran, Persuratan Baru (seterusnya PB) diasaskan pada pengamatan Affandi bahawa kegiatan sastera Melayu moden begitu dipengaruhi oleh teori serta pemikiran Barat, termasuk yang bertentangan dengan pandangan hidup Islam. Implikasinya menurut Affandi, karya-karya sastera Melayu moden dilihat cenderung memperagakan nilai-nilai yang menyanjung kemungkar dan mempersendakan kemakrufan yang digariskan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Justeru, PB digagaskan dengan matlamatnya yang jelas iaitu meletakkan kegiatan sastera Melayu hari ini pada perspektifnya yang tepat dalam konteks sejarah, tradisi dan agama yang menjadi anutan orang Melayu. Perspektif ini merujuk kepada pandangan hidup Islam yang berteraskan ajaran Tauhid. Matlamat ini antaranya direalisasikan melalui usaha menghidupkan semula tradisi keilmuan Islam dalam kegiatan sastera Melayu hari ini.⁵

Dalam konteks usaha ini, Affandi memanfaatkan falsafah taklif yang merupakan antara topik dihuraikan oleh al-Dihlawi dalam *Hujjat Allah al-Balighah*. Perlu dinyatakan bahawa soal perkaitan antara PB dengan *Hujjat Allah al-Balighah* karya al-Dihlawi telah menarik perhatian Adli Yaacob dan Siti Nadhirah Kassim. Berdasarkan perbincangan dalam kertas kerja bertajuk

⁵ Mohd. Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992); Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani, *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan* (Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008); Mohd. Affandi Hassan, “Mengembalikan Peranan Ilmu yang Benar dalam Persuratan Melayu,” dalam *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori & Praktis*, ed. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 289-379.

Sheikh Waliyullah al-Dihlawi and His Kitab Hujjatul al-Baligha and Muhammad Affandi Hassan and His Theory of ‘Gagasan Persuratan Baru’: A Brief Study of the Concept of Islamic Literature, dapat dikatakan bahawa kertas kerja ini berusaha untuk menampilkan pemikiran Affandi dalam PB dan kitab *Hujjatul al-Baligha* karya al-Dihlawi sebagai manifestasi terhadap konsep kesusasteraan Islam.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang jelas terperinci pada judulnya, kertas kerja ini lebih merupakan satu pengamatan ringkas yang membicarakan secara umum tentang PB, taklif dan *Hujjat Allah al-Balighah*. Tanpa menafikan sumbangannya yang tersendirinya, kertas kerja ini jelas tidak dapat membincangkan PB, taklif dan *Hujjat Allah al-Balighah* dalam konteksnya yang jelas dan tepat, terutamanya apabila Adli dan Siti Nadhirah menulis seperti berikut:

In the Malaysian literary context, it must be noted that Affandi Hassan, an outspoken controversial literary figure and a retired civil servant from the elite MCS (the Malaysian Civil Service) developed this concept of taklif, appearing with a new literary theory which the author termed as ‘Persuratan Baru’ (The New Literary Theory). This article highlights the concept of taklif as proposed by Affandi, one which has been implemented by Sheikh Shah Wali Allah Ad Dahlawi in his above forementioned book [merujuk Hujjat Allah al-Balighah].⁶

⁶ Adli Yacob & Siti Nadhirah Kassim, “Sheikh Waliyullah al-Dihlawi and His ‘Kitab Hujjatul al-Balighah’ and Muhammad Affandi Hassan and His Theory of ‘Gagasan Persuratan Baru’: A Brief Study of the Concept of Islamic Literature,” *Proceedings of the 5th International Conference of Arabic Language and Literature*, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur, 2015, 537-549.

Selain itu, artikel Narmi et al., *Falsafah Taklif dalam Kitab Hujjat Allah Al-Baligha* turut membincangkan secara khusus tentang idea-idea utama yang terkandung dalam huraian taklif oleh al-Dihlawi.⁷ Dalam menjelaskan kepentingan kajiannya, artikel ini turut menyebut tentang luasnya pengaruh pemikiran al-Dihlawi yang menjangkau ke Alam Melayu, termasuk dimanfaatkan dalam kegiatan sastera Melayu moden.

Pada kesempatan yang lain, artikel Narmi et al. yang lain, *Shah Wali Allah al-Dihlawi's Ideas on the Study of Modern Malay Literature* juga membicarakan tentang penerapan pemikiran al-Dihlawi oleh kajian-kajian ilmiah dalam bidang kesusastraan Melayu moden.⁸ Meskipun kajian ini ada menyebut tentang pemanfaatan pemikiran al-Dihlawi oleh Affandi, namun sesuai dengan fokus perbincangannya, kajian ini lebih memfokuskan tentang hasil penemuan yang diperolehi oleh kajian-kajian ilmiah yang menerapkan huraian taklif dalam menganalisis teks-teks sastera Melayu moden. Kajian ini menyimpulkan bahawa penerapan huraian taklif oleh al-Dihlawi telah membolehkan kajian-kajian ilmiah yang diteliti untuk merungkaikan permasalahan berkaitan nilai-nilai yang diperagakan dalam teks-teks sastera Melayu moden.

Dalam perkembangan yang lebih terkini, artikel Narmi et al. bertajuk *Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawi dalam Perkembangan Intelektual Islam di*

⁷ Akaliily Narmi, Mohd. Zariat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin dan Pabiyyah Hajimaming@Toklubok, “Falsafah Taklif dalam Kitab *Hujjat Allah Al-Baligha* karya Syah Waliyullah Al-Dahlawi,” dalam *Eksplorasi Idea dan Pemikiran dalam Bahasa dan Sastera*, ed. Zaitul Azma Zainun Hamzah (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2020), 185-209.

⁸ Akaliily Narmi, Mohd. Zariat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin & Pabiyyah Hajimaming@Toklubok, “Shah Wali Allah Al-Dihlawi's Ideas on the Study of Modern Malay Literature”, *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(8) (2021), 876-888.

Malaysia ada membicarakan tentang beberapa perkembangan terkini berkaitan sumbangan pemikiran al-Dihlawi di Malaysia, khususnya usaha para pelajar Tuan Haji Nik Muhammad Salleh, seorang tokoh ulama negeri Kelantan yang banyak memainkan peranan penting dalam perkembangan pemikiran al-Dihlawi di Malaysia.⁹ Dalam konteks inilah, artikel ini menyebut secara sepintas tentang penerapan taklif dalam gagasan PB. Namun begitu, disebabkan fokus perbincangan yang lebih menjurus kepada perkembangan intelektual secara umum, maka artikel ini hanya memperuntukkan tiga perenggan bagi memberikan pengenalan umum tentang latar belakang Affandi sebagai seorang pemikir dalam bidang kesusasteraan Melayu, dan usaha beliau menerapkan pemikiran al-Dihlawi, termasuk maklumat umum berkaitan sumbangan PB dan sekali gus al-Dihlawi, dalam dunia kesarjanaan sastera Melayu.

Adalah jelas pada pengamatan di atas bahawa kajian-kajian awal di atas lebih cenderung membicarakan tentang pemikiran al-Dihlawi, termasuk sumbangannya terhadap perkembangan intelektual di Malaysia secara umum, selain menyebut pemanfaatannya oleh Affandi secara umum, serta memberikan tumpuan terhadap dapatan-dapatan daripada kajian ilmiah yang menerapkan taklif sebagai kerangka bagi menganalisis teks-teks sastera. Kajian-kajian sedia ada yang diamati di atas tidak secara substantif mengupas soal pemanfaatan huraiyan taklif dalam gagasan PB. Secara khusus, persoalan penting yang wajar diberikan perhatian ialah bagaimana huraiyan al-Dihlawi mengenai taklif yang dikarang pada abad ke-18 Masihi itu, berupaya memberikan penyelesaian yang

⁹ Akalily Narmi, Mohd. Zariat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin & Pabiyyah Hajimaming@Toklubok, “Sumbangan Shah Waliyullah Al-Dihlawi dalam Perkembangan Intelektual Islam di Malaysia: Beberapa Perkembangan Mutakhir”, *Journal of al-Tamaddun* 17(1) (2022), 97-108.

relevan dan praktikal bagi merungkaikan permasalahan masa kini yang melanda dunia kesusasteraan Melayu moden, sebagaimana yang dihujahkan oleh Affandi. Dalam konteks inilah, kajian ini penting untuk diusahakan bagi menjelaskan tentang kerelevan pemikiran al-Dihlawi dalam kehidupan masyarakat hari ini, selain memperkayakan lagi korpus kesarjanaan berkaitan Al-Dihlawi khususnya *Hujjat Allah al-Balighah* dan pemikiran sastera Islam di Malaysia khususnya gagasan PB oleh Affandi.

Sehubungan itu, kajian ini menggariskan dua objektif, iaitu membincangkan pemikiran al-Dihlawi berkaitan falsafah taklif dalam *Hujjat Allah al-Balighah*, dan seterusnya menganalisis pemanfaatannya oleh Mohd. Affandi Hassan dalam gagasan Persuratan Baru.

Pendekatan dan Teks Kajian

Kajian ini menerapkan metodologi yang bersifat kualitatif iaitu secara khusus pendekatan analisis isi kandungan. Pendekatan ini dipilih kerana kesesuaianya dalam menganalisis bahan kajian yang terdiri daripada teks. Dengan menerapkan pendekatan analisis kandungan, kajian ini distruktur dengan tatacara penyelidikan yang dimulai dengan bacaan secara mendalam (*close reading*) bagi mengenal pasti idea-idea pengarang yang terkandung dalam teks-teks yang dikaji. Bacaan ini diikuti dengan analisis yang berfokuskan soal kesejarahan idea antara kedua-dua pengarang yang dikaji, iaitu al-Dihlawi dan Affandi. Tatacara ini diakhiri dengan kesimpulan tentang kesejarahan idea yang dikenal pasti itu. Dengan tatacara ini, pendekatan analisis isi kandungan dijangka dapat membantu kajian ini dalam membincangkan pemikiran al-Dihlawi dalam *Hujjat Allah al-Balighah*, dan seterusnya menganalisis pemanfaatannya dalam PB yang digagaskan oleh Affandi.

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, bahan-bahan kajian ini terdiri daripada teks yang dibaca dan

seterusnya dianalisis bagi merealisasikan objektif kajian. Bagi membincangkan falsafah *Taklif*, kajian ini akan menggunakan teks bahasa Arab kitab *Hujjat Allah al-Balighah*, Juzuk 1 oleh al-Dihlawi, yang disunting oleh al-Sayyid Sabiq dan diterbitkan oleh Dar al-Jayl li al-Nashr wa al-Tiba‘ah wa al-Tawzi‘ di Beirut pada tahun 2005. Bagi memantapkan pemahaman terutamanya dalam soal penggunaan istilah dalam bahasa Melayu, kajian ini turut meneliti kitab *Hujjat Allah al-Balighah* yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Zainuddin Idris dan Nik Hassan Nik Abdullah dengan judul *Hujjat Allah al-Balighah (Terjemahan dan Anotasi)*, Juzuk I dan *Hujjat Allah al-Balighah (Terjemahan dan Anotasi)*, Juzuk II.

Manakala bagi menganalisis pemanfaatan falsafah taklif dalam PB, kajian ini meneliti tulisan-tulisan Affandi yang membicarakan gagasan PB, iaitu “Gagasan Persuratan Baru dan Cabaran Intelektual” dan “Pengalaman Kreatif Affandi Hassan”, yang kedua-duanya terbit dalam buku *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan* (2008), dan novel *Pujangga Melayu* (1997). Pemanfaatan novel ini tidak menghakis kewibawaan sumber perbincangan kerana PB merupakan sebuah gagasan yang mengkonsepsikan karya kreatif seperti novel sebagai wadah yang sah dalam membahaskan wacana serta idea-idea ilmiah.

Falsafah Taklif dalam Kitab *Hujjat Allah al-Balighah*

Dalam *Hujjat Allah al-Balighah*, al-Dihlawi memperuntukkan sebuah bab (Bab 6) yang diberikan judul “Rahsia Taklif” (dalam bahasa Arab disebut sebagai *Sirr al-Taklif*). Dalam bab ini, al-Dihlawi antara lain menghuraikan pandangan beliau bahawa manusia ditaklifkan dengan tanggungjawab untuk memikul ‘amanah’. Tanggungjawab ini dibebankan ke atas manusia sesuai dengan fitrah kejadian mereka yang diciptakan untuk menyembah Allah S.W.T.

Dari segi bahasa, M. Baalbaki menjelaskan bahawa perkataan ‘taklif’ dalam bahasa Arab membawa maksud “beban yang diletakkan ke atas bahu manusia” (*to burden oneself/be burdened*).¹⁰ Sesuai dengan maksud di atas, ‘taklif’ dalam *Hujjat Allah al-Balighah* diuraikan sebagai “pembebanan manusia dengan tanggungjawab untuk menerima segala syariat yang ditetapkan oleh Allah S.W.T.” atau ditulis oleh al-Dihlawi seperti berikut:

تقلد عهدة التكليف بأن ت تعرض لخطر النواو و العقاب

بالطاعة والمعصية¹¹

Ia diterjemahkan oleh Idris dan Nik Abdullah ke dalam bahasa Melayu sebagai, “...menggantungkan kesanggupan tanggungjawab dengan dibentangkan kebimbangan pahala dan siksa kerana taat dan maksiat. Dan pembentangan tanggungjawab kepada semua kejadian itu dikira amanah ...”.¹²

Seterusnya, al-Dihlawi menjelaskan bahawa setiap diri manusia dipertanggungjawabkan dengan amanah, sesuai dengan kemampuan mereka untuk memikul amanah itu. Kemampuan ini tidak dimiliki oleh makhluk lain seperti haiwan atau tumbuh-tumbuhan. Oleh itu, hanya manusia sahaja yang layak memikul tanggungjawab tersebut,¹³ sebagaimana yang diuraikan oleh al-Dihlawi seperti berikut:¹⁴

وإنما يليق بالتكليف ويستعد له من كان له كمال بالقوة لا

بال فعل

¹⁰ M. Baalbaki, *al-Mawrid: A Modern Arabic-English Dictionary* (Beirut: Dar El Ilm Lil Malayan, 1997), 361.

¹¹ Al-Dihlawi, *Hujjat Allah al-Balighah* 1, ed. Al-Sayyid Sabiq (Beirut: Dar al Jayl li al-Nashr wa al-Tiba'ah wa al-Tawzī'), 2005, 53-54.

¹² Zainuddin & Nik Hassan, *Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi*, 69-70.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Al-Dihlawi, *Hujjat Allah al-Balighah* 1, 54.

Al-Dihlawi juga berpendapat bahawa taklif merupakan sebahagian daripada takdir. Semua kejadian yang ada di muka bumi tidak menyimpang daripada ketetapan Allah S.W.T. dan takdirNya dan setiap kejadian dianggap sebagai ciptaan Allah S.W.T. yang terbaik pada ketika itu. Justeru, taklif Allah S.W.T. ke atas manusia adalah bersesuaian dengan fitrah kejadian mereka sebagai makhluk ciptaan terbaik. Dalam hal ini al-Dihlawi berpendapat bahawa manusia memiliki dua kelebihan iaitu kekuatan akal dan daya kekuatan amali,¹⁵ sebagaimana yang dihuraikan oleh al-Dihlawi seperti berikut¹⁶:

والأمور التي يمتاز بها الإنسان من سائر أفراد الحيوان كثيرة جداً، لكن جماع الأمر وملائكة خصلتان: إحداهما: زيادة القوة العقلية. ولها شعبتان: شعبة خاصة في الارتفاعات لمصلحة واستنباط دقائقها. وشعبة مستعدة للعلوم الغيبية الفائضة بطريق الوهب. وثانيتهما: براعة القوة العملية.

Dengan itu, al-Dihlawi menegaskan bahawa Allah S.W.T. memiliki hujah yang mendalam serta mutlak dengan meletakkan tanggungjawab syariat atau taklif ke atas semua hambaNya. Hujah ini mampu diterjemah oleh manusia yang berfikir melalui tanda-tanda yang wujud pada kejadian Allah S.W.T., sebagaimana yang dihuraikan oleh al-Dihlawi, seperti berikut¹⁷:

اعلم أن الله تعالى آيات في خلقه، يهتدي الناظر فيها إلى أن الله له الحجة البالغة في تكليفه لعباده بالشرع

Seterusnya, al-Dihlawi turut menghuraikan bahawa taklif memerlukan pembalasan, atau dengan kata lain

¹⁵ Zainuddin & Nik Hassan, *Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi*, 75-82.

¹⁶ Al-Dihlawi, *Hujjat Allah al-Balighah* 1, 58.

¹⁷ *Ibid.*, 55.

semua manusia akan dibalas mengikut setiap amalan yang mereka kerjakan.¹⁸ Menurut al-Dihlawi, pembalasan terhadap amalan manusia berlaku melalui empat cara. Pertama, pembalasan mengikut kehendak gambaran spesies, iaitu pembalasan melalui kesakitan yang dialami oleh manusia apabila menjelang ajalnya. Kedua, pembalasan daripada sudut *al-mala' al-a'la* iaitu pembalasan dalam bentuk cahaya sama ada cahaya kebaikan atau cahaya kegelisahan atau ketakutan yang turun kepada manusia mengikut amalannya. Ketiga, pembalasan mengikut pembebanan syariat agama ke atas manusia yang diilhamkan kepada para malaikat sama ada berbuat baik atau buruk kepada manusia mengikut amalan individu itu sendiri. Keempat, pembalasan mengikut perutusan nabi yang diutuskan iaitu pembalasan kepada manusia tatkala sampai seruan nabi kepadanya atau apabila Allah S.W.T. mengkehendaki pembalasan ke atasnya, sebagaimana yang dihuraikan oleh al-Dihlawi, seperti berikut:

اعلم أن الناس مجزيون بآعمالهم، إن خيرا فخير وإن شرًا
فسوء، من أربعة وجوه، أحدها: مقتضى الصورة النوعية ...
فكذلك الإنسان...أحس بالملائمة والمنافرة شبه ما يحس
أحدنا من ألم الاحتراق. وثانيها: جهة الملائكة الأعلى... كما
أن الواحد منا لا يصل إلا بالقوى الإدراكية، فكلما فعل
فرد من أفراد الإنسان فعلا منجيا خرجت من تلك الملائكة
أشعة بحجة وسرور، وكلما فعل فعلا مهلكا حررت منها
أشعة نفحة وبغض. وثالثها: مقتضى الشريعة المكتوبة عليهم
ووتلهم الملائكة السفلية الإحسان لمطيعها والإساءة إلى...

¹⁸ Zainuddin & Nik Hassan, *Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi*, 89.

عاصيها. ورابعها: أَنَّ النَّبِيَّ إِذَا بَعَثَ فِي النَّاسِ، وَأَرَادَ اللَّهُ
تَعَالَى بِعْثَةَ لَطْفًا بِحَمٍ ...¹⁹

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa taklif yang dihuraikan dalam *Hujjat Allah al-Balighah* pada dasarnya merujuk soal pembebasan manusia dengan tanggungjawab untuk menerima segala syariat yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. ke atas diri mereka, seperti yang diterjemahkan oleh Marcia K. Hermansen sebagai “*divine accountability and responsibility*”.²⁰

Pemanfaatan Falsafah Taklif dalam Kesusasteraan Melayu Moden

Perbincangan ini dibahagikan kepada dua subtopik iaitu “Pemanfaatan Falsafah Taklif dalam Persuratan Baru” dan “Pemanfaatan PB dan Falsafah Taklif dalam Pengkajian Teks Sastera Melayu Moden”. Dalam kajian ini, ‘kesusasteraan Melayu moden’ merujuk kepada era kesusasteraan Melayu selepas kehadiran dua autobiografi bertajuk *Hikayat Abdullah* (1849) dan *Hikayat Pelayaran Abdullah* (1838) karya Abdullah Munsyi yang digelar sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden.²¹

Era ‘kesusasteraan Melayu moden’ yang ditandai oleh kedua-dua karya Abdullah Munsyi itu diiringi dengan pengenalan konsep ‘kesusasteraan moden’ (*modern literature*) melalui pendidikan sekular yang diperkenalkan oleh kolonial Barat di Alam Melayu. Kesusasteraan Melayu moden turut dicirikan oleh penghasilan genre-genre sastera berdasarkan fiksyen yang diperkenalkan oleh

¹⁹ Al-Dihlawi, *Hujjat Allah al-Balighah* 1, 60-62.

²⁰ Hermansen, *The Conclusive Argument from God*, 57.

²¹ Ungku Maimunah Mohd. Tahir, “The Construction of Abdullah Bin Abdul Kadir Munsyi as the Father of Modern Malay Literature: The Role of Westerners,” dalam *Readings in Modern Malay Literature* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 30-70.

Barat seperti novel, cerpen, drama dan sajak. Sepanjang era ini, kesusasteraan Melayu moden telah melahirkan sejumlah novel, cerpen, drama dan sajak dalam bahasa Melayu, hasil nukilan para sasterawan terkemuka antaranya Ishak Haji Muhammad, Usman Awang, Shahnon Ahmad, A. Samad Said dan Noordin Hassan (sekadar menyebut beberapa nama).

Dalam perkembangan selanjutnya, kesusasteraan Melayu moden pada dekad 1970-an dan 80-an antaranya menyaksikan kecenderungan terhadap Islam sehingga mencetuskan apa yang dikenali sebagai ‘fenomena Sastera Islam’ di Malaysia.²² Fenomena ini ditandai dengan seruan supaya nilai-nilai Islam dihidupkan dalam kesusasteraan Melayu moden yang dianggap condong terhadap Barat dan tersimpang daripada nilai-nilai Islam. Fenomena Sastera Islam ini turut mendapat perhatian Affandi yang menganggap fenomena tersebut tidak secara tuntas menyelesaikan permasalahan pokok dalam kesusasteraan Melayu moden, iaitu soal kekeliruan nilai disebabkan oleh pandangan hidup sekular. Dalam konteks inilah, lahirnya PB yang secara tegas menganjurkan supaya kegiatan sastera Melayu moden dinilai semula secara kritis berdasarkan pandangan hidup Islam yang berteraskan ajaran Tauhid, sebagaimana yang telah dinyatakan di atas. Dalam menjelaskan pandangan hidup Islam, Affandi antaranya memanfaatkan falsafah taklif yang dihuraikan oleh al-Dihlawi.

i. Pemanfaatan Falsafah Taklif dalam Gagasan Persuratan Baru

Pada asasnya, PB hadir dalam kegiatan sastera Melayu moden sebagai satu kerangka analisis (*analytical framework*) yang merangkumi dua tahap iaitu falsafah dan operasional. Pada tahap falsafah, PB menggariskan apa yang diungkapkannya sebagai “hakikat insan”, “hakikat

²² *Ibid.*, 195-224.

ilmu dan amal” dan “hakikat dan fungsi sastera”. Pada tahap falsafah, PB bertunjangkan falsafah taklif yang dihuraikan oleh al-Dihlawi dalam *Hujjat Allah al-Balighah* dengan meletakkan kegiatan penulisan termasuk kesusasteraan dalam kerangka Tauhid yang memperakukan kewujudan Allah S.W.T. yang Esa, yang menciptakan manusia lantas mengikat seluruh kehidupan manusia dengan ‘janji’ untuk melaksanakan ibadah kepada Allah S.W.T.

‘Janji’ untuk beribadah ini menjadi fitrah kejadian manusia yang diciptakan di muka bumi dengan tugas sebagai hamba dan khalifah yang dituntut untuk mentadbir muka bumi dengan sebaik-baik pentadbiran, iaitu melakukan amar makruf serta meninggalkan kemungkaran, sebagaimana yang diungkapkan dalam PB sebagai “hakikat insan” dan “hakikat ilmu dan amal” yang menjadi asas dalam pemahaman tentang kesusasteraan, seperti yang ditulis oleh Affandi dalam petikan berikut:

“Tunjang gagasan Persuratan Baru ialah konsep taklif, yang menghuraikan hakikat ilmu dan hakikat insan, yang kemudiannya menjelaskan hakikat seni [termasuk kesusasteraan] dalam Islam. Manusia dalam konteks taklif adalah sejenis makhluk yang dijadikan Allah S.W.T bukan hasil evolusi seperti yang diandaikan oleh Darwinisme.”
[Garisan ditambah]²³

Selaras dengan pemahaman di atas, PB menghuraikan maksud taklif sebagai “keterikatan manusia dengan hakikat kejadiannya”, iaitu manusia sebagai makhluk yang diciptakan oleh Allah S.W.T. terikat dengan ketetapan serta peraturan yang ditentukan olehNya, sebagaimana yang turut dijelaskan dalam novel beliau bertajuk *Pujangga Melayu* seperti berikut:

²³ Mohd. Affandi et al., *Gagasan Persuratan Baru*, 59.

“....maksud taklif itu ialah keterikatan manusia kepada hakikat kejadiannya, yakni manusia tidak dapat lepas daripada hakikat bahawa dia dicipta oleh Allah Taala, dan oleh itu wajib menurut hukum-hukum-Nya.” [Garisan ditambah]²⁴

Seterusnya, Affandi menjelaskan lagi bahawa tersirat dalam hakikat kejadian manusia ialah keterikatannya dengan tugas sebagai khalifah Allah S.W.T. di bumi yang berperanan untuk memakmurkan dunia dengan kebaikan yang dapat memberikan manfaat kepada manusia yang lain, sebagaimana yang dijelaskan lagi dalam petikan di bawah:

“Hakikat kejadian insan yang di dalam dirinya tersirat taklif, yakni manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi. Kerana itu manusia mempunyai tugas untuk membangun, memakmurkan bumi, tidak merosakkan alam sekeliling, dan mencipta sesuatu yang bermanfaat untuk manusia seluruhnya.” [Garisan ditambah]

Pemanfaatan falsafah taklif berdasarkan huraian al-Dihlawi lebih jelas apabila Affandi menyebut nama beliau sebagai sumber rujukan bagi menjelaskan *sirr al-taklif* atau ‘rahsia taklif’ yang juga merupakan judul bagi salah satu bab dalam kitab *Hujjat Allah al-Balighah*. Dalam PB, *sirr al-taklif* dijelaskan sebagai hakikat kejadian manusia yang secara fitrahnya cenderung terhadap tiga perkara. Pertama, ‘keadilan’ (‘*adl*) yang merujuk kepada kedudukan sesuatu itu yang diletakkan pada tingkat kedudukannya yang benar (*haq*) di sisi Allah S.W.T. Kedua, ‘ilmu’ (‘*ilm*’) yakni titisan makna yang menjadikan manusia itu kenal kepada Allah S.W.T. Ketiga, ‘ikhtiar’

²⁴ Mohd. Affandi Hassan, *Pujangga Melayu* (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1997), 167.

atau daya usaha manusia dalam menegakkan kebenaran dan menentang kebatilan, sebagaimana yang dijelaskan oleh Affandi seperti dalam petikan di bawah:

Menurut ajaran Shah Wali Allah, rahsia taklif (*sir al-taklif*) itu merujuk kepada kesempurnaan manusia yang semula jadi, untuk mencapai tiga perkara atau matlamat kehidupannya: keadilan, ilmu pengetahuan, dan ikhtiar dan usaha [Garisan ditambah]²⁵

Berkaitan dengan penjelasan di atas, Affandi merumuskan bahawa taklif merupakan falsafah penting dalam pandangan hidup Islam kerana berupaya menjelaskan kepada manusia tentang matlamat kehidupan mereka di muka bumi. Terangkum dalam matlamat tersebut ialah hubungan antara manusia dengan Penciptanya dan hubungan manusia sesama manusia serta alam yang melingkungi kehidupannya. Tidak kurang penting ialah kerangka yang menentukan benar atau salah amal perbuatan manusia, yang kesemuanya dinilai berdasarkan kerangka nilai yang telah disyariatkan Allah S.W.T. ke atas diri manusia, sebagaimana yang dijelaskan di bawah:

“Taklif merujuk kepada hakikat kejadian insan, peranan dan tugas insan, hakikat amal mereka, dan hakikat ilmu yang harus mereka fahami untuk memahami kejadian mereka, peranan dan tugas mereka, dan bagaimana amal perbuatan mereka akan dinilai. Taklif menentukan hubungan manusia dengan Tuhan Yang Maha Esa, hubungan sesama manusia dan makhluk lainnya, dan apakah ukuran tepat untuk menilai semua perilaku manusia.” [Garisan ditambah]²⁶

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.*,181.

Seterusnya, Affandi menjelaskan bahawa pengertian taklif dapat menjadikan manusia memahami secara jelas tentang tingkat-tingkat keutamaan dalam ketakwaannya kepada Allah S.W.T., daripada mengenal Penciptanya serta mengucapkan salam kepada RasulNya, sehingga mereka dapat menumpahkan khidmat baktinya kepada masyarakat, sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan berikut:

“Apabila konsep taklif ini difahami, seseorang (terutama orang Islam) akan memahami mengapa orang Islam disuruh bersalawat, dia akan mengenal makna hakiki perbuatan makruf dan mungkar, dia akan memahami mengapa membuang halangan di jalan suatu perbuatan terpuji dan diberi pahala, dia akan mengerti makna takwa dalam kehidupan insan, dan akan faham mengapa Prof. Fazlur Rahman berpendapat bahawa perbuatan yang baik itu ialah yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat, bukan tertumpu kepada diri sendiri semata-mata. Kerana itulah Imam Ghazali pernah berkata, seorang sufi tulen ialah yang bergerak di tengah-tengah masyarakat, bukan mlarikan diri bersunyi-suni sendirian untuk menyelamatkan dirinya sahaja.” [Garisan ditambah]²⁷

Jelas Affandi lagi, dengan memahami pengertian taklif, manusia dapat memahami pengertian ‘ikhlas’ yang merupakan tingkat paling tinggi bagi setiap amal kebaikan yang dilakukannya. Hal ini kerana taklif menjelaskan bahawa setiap perbuatan baik itu dilaksanakan semata-mata kerana Allah S.W.T., dan dengan itu pujian atau kejian manusia tidak lagi menjadi persoalan, sebagaimana yang dapat dilihat dalam petikan berikut:

²⁷ *Ibid.*

“Dengan memahami konsep taklif, seseorang akan memahami makna ikhlas, dengan itu dia dapat membezakan nilai Islam dengan nilai murni yang tidak sama dengan nilai Islam, walaupun semua nilai Islam adalah nilai murni, tetapi tidak sebaliknya. Menurut Imam Ghazali lagi, seseorang yang ikhlas dalam perbuatannya tidak merasa gembira dengan pujian orang, sebaliknya tidak berduka dengan cacian dan cemuhan, malah keduanya sama saja pada pandangannya. Tanpa pengertian yang mendalam tentang konsep taklif, erti ikhlas yang dihuraikan oleh Imam Ghazali tidak akan difahami; oleh itu manusia akan terus mengejar pujian dan sanjungan dengan memperaga semua perbuatannya untuk dipuji dan disanjung, tidak sedar bahawa dia telah terjerumus di dalam perilaku ria’ yang dikutuk oleh Islam.” [Garisan ditambah.]²⁸

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa PB memahami taklif yang dihuraikan al-Dihlawi dalam kitab *Hujjat Allah al-Balighah* sebagai ‘fitrah’, iaitu kecenderungan semula jadi manusia yang diciptakan untuk berbuat kebaikan dan meninggalkan kejahanatan iaitu mengabdikan (beribadah) diri kepada Allah S.W.T., sebagaimana yang dijelaskan Affandi dalam petikan di bawah:

“Siapakah manusia, apakah tugasnya, dan ke manakah yang ditujunya? Dengan menggunakan epistemologi berasaskan wahyu, kita dengan mudah dapat mentafsirkan ungkapan “kembali menjadi manusia” tadi sebagai kembali kepada taklif. Ertinya kembali kepada asal usul kejadian manusia, kepada dua

²⁸ *Ibid.*, 181-182.

tugas utamanya – sebagai hamba Allah Taala, dan sebagai khalifah di bumi.” [Garisan ditambah]²⁹

Lebih penting apabila PB menerapkan falsafah taklif yang dibincangkan di atas dalam konsep ‘persuratan’ yang merujuk kepada penghasilan karya-karya ilmu yang diasaskan pada ilmu yang benar di sisi Islam. Penting untuk dijelaskan bahawa dalam PB, konsep ‘persuratan’ dibezakan daripada konsep ‘sastera’ yang merujuk kepada penulisan karya fiksyen yang berasaskan khayalan sebagaimana yang dipraktikkan dalam kesusasteraan Melayu moden. Konsep ‘persuratan’ yang dijelaskan oleh PB ini diinspirasikan daripada tradisi persuratan Melayu abad ke-16 dan 17 Masihi, iaitu satu kegiatan karang-mengarang kitab-kitab ilmu dalam bahasa Melayu dan bertulisan Jawi yang dipelopori oleh para ilmuan dalam pelbagai bidang ilmu.³⁰ Walau bagaimanapun, tradisi persuratan Melayu dianggap telah terputus dengan penjajahan Barat di Alam Melayu yang melaksanakan sistem pendidikan sekular termasuk memperkenalkan konsep kesusasteraan moden (*modern literature*).

Dalam konteks ini, PB digagaskan oleh Affandi dengan keazaman untuk menghidupkan semula tradisi persuratan berteraskan ilmu dan sekali gus menggantikan kegiatan sastera Melayu moden yang berasaskan fiksyen.³¹ Keazaman ini antaranya direalisasikan oleh PB melalui kritikan terhadap konsep ‘sastera’ yang menjadi pegangan dalam kesusasteraan Melayu moden. Lebih penting dalam konteks kajian ini apabila kritikan tersebut diasaskan pada falsafah taklif yang meletakkan ‘makna’ sesebuah karya sebagai aspek paling utama dan menentukan nilai sesebuah karya, berbanding aspek bentuk yang

²⁹ *Ibid.*, 381.

³⁰ Mohd. Affandi Hassan, *Medan-Medan dalam Sistem Persuratan Melayu* (Kota Bharu: Penerbit Tiga Puteri, 1994), 6 & 15-41.

³¹ Mohd. Affandi et al., *Gagasan Persuratan Baru*, 104.

‘keindahannya’ ditentukan oleh aspek ‘makna’. Dengan falsafah taklif, ‘makna’ sesebuah karya dinilai berdasarkan pada “keterikatan manusia dengan Penciptanya”, yang dicerminkan pada nilai-nilai benar yang terpancar melalui kebaikan sejajar dengan fitrah manusia yang cenderung melakukan kebaikan.

Dengan kata lain, penilaian berdasarkan falsafah taklif tidak memungkinkan pujian atau pengiktirafan terhadap karya-karya yang mengangkat nilai-nilai jahat, sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan berikut:

“Dari segi penilaian sesebuah karya kreatif, sebagai sejenis hasil kemahiran manusia, maka konsep taklif akan membuatnya melihat sesuatu hasil kreatif atau hasil kemahiran tadi berdasarkan pengertian yang mendalam tentang hakikat insan dan hakikat amal manusia berdasarkan pengetahuan yang mendalam tentang hakikat ilmu dalam Islam. Dengan itu dia tidak akan tertipu oleh keindahan luaran yang mempesonakan, sedangkan pada hakikatnya tidak lebih daripada sejenis ilusi. Jelasnya, apa yang dianggapnya sebagai keindahan tadi, pada hakikatnya adalah sejenis kejahatan yang digilap begitu rupa sehingga orang yang tidak mengerti hakikat di sebaliknya, akan menerima sebagai suatu yang agung, indah dan mempesonakan.” [Garisan ditambah]³²

Seiring dengan pemahaman di atas, PB mengaitkan penilaian karya berdasarkan falsafah taklif dengan kisah Ratu Balqis dan Nabi Sulaiman a.s. yang diceritakan dalam al-Qur'an. Kisah tersebut dianggap berupaya menjelaskan ‘keindahan’ yang dinilai pada hakikat atau makna sesebuah karya, dan bukannya aspek luaran yang

³² *Ibid.*, 182.

bersifat ilusif yang boleh mempesonakan mata kasar atau pancaindera manusia. Dalam hal ini, terpedayanya Ratu Balqis dengan apa yang dilihat oleh mata kasar sehingga dia menyangka bahawa lantai istana yang berkilat adalah air, dikaitkan dengan aspek luaran karya yang boleh mempesonakan serta memperdayakan manusia yang menilainya berdasarkan mata kasar atau pancaindera sahaja, sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan berikut:

“Inilah yang terjadi kepada Ratu Balqis dalam kisah yang diceritakan oleh al-Quran. Kerana begitu tingginya hasil seni buatan manusia, Balqis yang kagum ketika memasuki istana Nabi Sulaiman a.s. mengangkat kainnya kerana disangkanya lantai marmar berkilat itu air, lantas ditegur oleh Nabi Sulaiman a.s. bahawa yang dilihatnya sebagai air itu tidak lebih daripada pancaran cahaya marmar yang berkilat, bukan air yang sebenarnya. Kisah ini sangat menarik, kerana al-Quran juga memberitahu kita bagaimana manusia yang dahaga melihat air di padang pasir, padahal yang disangkanya air itu hanyalah khayalannya saja (fatamorgana); manakala Balqis yang terpesona oleh ciptaan manusia tertipu oleh ilusi di depan matanya, lalu melakukan sesuatu yang di luar dugaan, yang pada dasarnya memalukannya sendiri.”³³

Dalam konteks pemanfaatannya terhadap kesusasteraan Melayu moden, PB kemudiannya menerapkan penilaian diasaskan pada falsafah taklif seperti yang diuraikan di atas terhadap *Salina* karya A. Samad Said, termasuk pujian serta pengiktirafan yang diberikan oleh pengkritik dan sarjana sastera Melayu

³³ *Ibid.*

terhadap novel tersebut. Perlu dijelaskan bahawa novel *Salina* memaparkan kisah tentang seorang pelacur wanita berhati mulia yang melacurkan dirinya atas desakan keadaan. Paparan kisah ini mengundang pelbagai pandangan serta kritikan yang antaranya berlebar soal moral cerita. Ini termasuklah kritikan Affandi sendiri yang secara tegas menganggap novel tersebut sebagai antara manifestasi bagaimana soal kemungkarannya di sisi Islam dijadikan tema utama dalam karya sastera moden.

Akan tetapi, penilaian karya yang diasaskan pada kejihilan dan konsep ilmu yang salah (ertinya, bertentangan dengan falsafah taklif yang bersumberkan al-Qur'an dan Sunnah), membolehkan nilai-nilai jahat yang bertentangan dengan fitrah manusia diangkat serta diagungkan sebagai ‘keindahan’ atau ‘estetika’ dalam karya sastera.³⁴ Dalam konteks ini, Affandi menghujahkan bahawa Ratu Balqis diceritakan (dalam al-Qur'an) tersedar lantas mengakui kesilapannya setelah diperbetulkan oleh Nabi Sulaiman a.s., sebaliknya sarjana serta pengkritik sastera Melayu yang memuji novel *Salina* tidak dapat menerima kritikan PB yang pada hakikatnya diasaskan pada falsafah taklif, sebagaimana yang dihujahkannya dalam petikan berikut:

“Apa yang berlaku pada Balqis berlaku pula pada para sasterawan, sarjana dan pengkritik sastera di Malaysia yang menerima *Salina*, sebuah karya picisan, sebagai karya agung sastera Melayu moden, berasaskan ilusi semata-mata, bukan disandarkan kepada nilai dan ukuran yang tepat. Bezanya ialah jika Balqis cepat-cepat mengaku kesilapannya, maka mereka yang menyanjung *Salina* terus berada dalam ilusi dan kekeliruan itu, malah akan menjadi marah jika mereka ditegur dan jika ukuran yang lebih tepat dan wajar

³⁴ *Ibid.*, 82-85.

dikenakan kepada novel picisan itu. Dalam konteks ini, kita dapat memahami bagaimana penilai yang cetek ilmunya akan memberi penilaian yang tinggi kepada karya picisan, kerana penilaian tadi bukan berasaskan ilmu, tetapi berasaskan kejahilan dan sangkaan semata-mata. Penilaian berasaskan konsep taklif akan mengelakkan manusia daripada tertipu oleh ilusi atau keindahan luaran yang pada hakikatnya tidak tepat, oleh itu mengelirukan. Dari kedudukan yang keliru inilah nilai-nilai baru yang merugikan bangsa kita akan diperkenalkan. Khusus dalam konteks penilaian terhadap Salina, masyarakat dikelirukan untuk menerima kemaksiatan sebagai perlakuan yang tidak perlu dikutuk, dengan menjadikan karya picisan ini sebagai tonggak novel Melayu moden, dan diajar di pusat-pusat pengajian tinggi sebagai contoh agung dalam pencapaian sasterawan Melayu. Dengan mengetepikan taklif, kita memasukkan sewenang-wenangnya nilai-nilai mungkar melalui karya kreatif yang ditulis dan dinilai daripada perspektif Barat yang anti-agama. Tanpa disedari, cara hidup jahiliah dan nilai-nilainya dibawa masuk ke dalam tamadun Melayu melalui estetika dan kritikan sastera.” [Garisan ditambah]³⁵

Selain itu, PB turut menerapkan falsafah taklif dalam konsep penulisan yang dikaitkannya dengan tradisi persuratan Melayu. Antaranya ialah konsep ‘siratan makna’ yang pada asasnya merujuk kepada *style* (Affandi mengekalkan ejaan Inggeris bagi membezakannya dengan ‘stail’ yang membawa maksud yang berbeza) seseorang

³⁵ *Ibid.*, 182-183.

pengarang dalam menyampaikan pemikirannya yang diasaskan kepada ilmu yang benar (*style as epistemic choice*).³⁶ Konsep ‘siratan makna’ dianggap mampu menterjemahkan pengertian taklif (iaitu keterikatan manusia dengan Penciptanya) dalam kegiatan penulisan apabila *style* pengarang yang berbeza-beza disatukan dengan matlamat yang sama iaitu beribadah kepada Allah S.W.T. Justeru, karya persuratan dapat mencerminkan ‘keadilan’, ‘ilmu yang benar’, dan ‘ikhtiar’, iaitu tiga aspek yang terangkum dalam pengertian taklif yang diuraikan oleh al-Dihlawi dalam *Hujjat Allah al-Balighah*. Penerapan taklif dalam konsep ‘persuratan’ dijelaskan oleh Affandi seperti dalam petikan di bawah:

“Melalui konsep siratan makna, yang didasarkan kepada konsep ilmu yang betul dan konsep taklif, seorang pengarang akan berupaya menulis karya persuratan yang mencerminkan tiga aspek makna taklif tadi. Tidak mungkin sesiapa pun memberitahu sang pengarang cara-caranya, atau teknik yang akan dipakainya, kerana semua itu menjadi cabaran ilmiah dan cabaran kreatif yang harus dilaluinya. Tetapi dengan berpandukan prinsip-prinsip umum yang diberikan, karya persuratan yang aneka ragam, yang kaya dengan kebijaksanaan pengarang, yang diadun dengan menggunakan siratan makna yang diperolehnya sendiri melalui latihan dan pengalaman penulis, akan dapat dicipta dari sekarang sehingga dunia kiamat, berbeza satu sama lain, tetap menarik dan boleh diterima

³⁶ Mohd. Affandi Hassan, “Pemikiran dan Pendekatan dalam Kritikan Sastera Melayu Moden,” dalam *Kesusasteraan Melayu Mitos dan Realiti: Esei/ Kritikan Hadiah Sastera Malaysia 1988/1989* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 87-89; Mohd. Affandi Hassan, *Pujangga Melayu*, 216 & 215; Mohd. Affandi et al., *Gagasan Persuratan Baru*, 188-194.

oleh semua manusia seluruh dunia. Tidak ada orang yang menolak kecerdikan dan kebijaksanaan yang ingin dicapai melalui karya persuratan itu.” [Garisan ditambah]³⁷

Perbincangan pada tahap ini berusaha untuk memperlihatkan pemanfaatan falsafah taklif yang dihuraikan oleh al-Dihlawi melalui kitab beliau yang berjudul *Hujjat Allah al-Balighah*, dalam gagasan PB cetusan Affandi. Dengan memanfaatkan falsafah taklif, PB meletakkan kegiatan penulisan dalam konteks fitrah manusia yang diciptakan oleh Allah S.W.T. untuk beribadah kepadaNya. Dalam konteks ini, PB menghujahkan bahawa makna sesebuah karya itu harus dinilai berasaskan nilai-nilai yang benar di sisi Allah S.W.T., sesuai dengan fitrah manusia itu sendiri yang secara semula jadi cenderung kepada kebaikan. Dengan memanfaatkan falsafah taklif juga, PB mengemukakan konsep ‘siratan makna’ yang menekankan *style* pengarang dalam menyampaikan ilmu yang benar di sisi Islam.

Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini berhasil dalam membincangkan pemikiran al-Dihlawi berkaitan falsafah taklif dalam *Hujjat Allah al-Balighah*. Hasil perbincangan mendapati bahawa *Hujjat Allah al-Balighah* antara lain menghuraikan falsafah taklif sebagai pembebanan manusia dengan tanggungjawab untuk beribadah kepada Allah S.W.T., yakni melaksanakan perbuatan makruf serta meninggalkan perbuatan mungkar sebagaimana yang telah disyariatkan-Nya. Dengan pengertian ini, tanggungjawab taklif menjadi satu ‘amanah’ yang dikurniakan Allah S.W.T. kepada manusia disebabkan oleh kesanggupan manusia sendiri untuk menerimanya.

Dengan kata lain, al-Dihlawi berpendapat bahawa pembebanan ke atas diri manusia dengan syariat Allah

³⁷ Mohd. Affandi et al., *Gagasan Persuratan Baru*, 89.

S.W.T. merupakan takdir yang sesuai dengan kejadian fitrah manusia yang diciptakan untuk mampu memikul tanggungjawab taklif tersebut. Kemampuan ini dengan sendirinya mewajarkan pembalasan ke atas diri setiap manusia mengikut ketaatan atau keingkaran mereka dalam melunaskan tanggungjawab tersebut. Dalam konteks ini, al-Dihlawi menghuraikan empat cara pembalasan yang diterima oleh manusia iaitu pembalasan dalam bentuk kesakitan ketika sampainya ajal, pembalasan daripada sudut *al-mala’ al-a’la* iaitu pembalasan dalam bentuk cahaya yang turun kepada manusia mengikut amalannya, pembalasan mengikut pembebanan syariat agama ke atas manusia yang dilihamkan kepada para malaikat, dan pembalasan ketika sampai seruan nabi kepada manusia.

Seterusnya, perbincangan ini juga berhasil dalam menganalisis pemanfaatan pemikiran serta huraian al-Dihlawi dalam gagasan PB. Pemanfaatan falsafah taklif yang dihuraikan oleh al-Dihlawi dalam *Hujjat Allah al-Balighah* diakui sendiri oleh Affandi dalam tulisan-tulisan beliau yang menghuraikan PB. Seiring dengan huraian al-Dihlawi, PB pada dasarnya memahami falsafah taklif sebagai keterikatan manusia kepada Penciptanya. Berasaskan pemahaman ini, falsafah taklif dimanfaatkan sebagai teras yang menunjangi falsafah PB iaitu Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal, dan Hakikat dan Fungsi Sastera.

Dengan memanfaatkan taklif, Persuratan Baru berupaya meletakkan kegiatan sastera dalam konteks fitrah iaitu kecenderungan semula jadi manusia untuk beribadah kepadaNya. Ini bererti, kegiatan sastera dalam kerangka PB menjadi satu tanggungjawab kepada para penulis dan sasterawan untuk melunaskan tanggungjawab taklif yang telah dikurniakan ke atas diri mereka. Dengan itu, para penulis dan sasterawan tidak lagi dapat menyandarkan kegiatan penulisan mereka dengan hujah-hujah yang mendewakan soal ‘kebebasan berkarya’ atau

sering diungkapkan dalam kegiatan sastera di Barat sebagai *freedom of expression*.

Dengan taklif, terpikul di atas bahu para penulis dan sasterawan dengan tanggungjawab untuk memastikan isi dan bentuk karya mereka menepati syariat yang telah digariskan oleh Allah S.W.T. Ini bererti, soal kemungkinan termasuk nilai-nilai yang bertentangan dengan pandangan hidup Islam tidak mendapat tempat dalam penilaian mutu karya sastera menurut PB. Tidak terkecuali karya-karya yang ditulis dengan bahasa yang lucah dan cabul termasuk teknik pemerian rinci yang biasanya digunakan bagi memperincikan soal kejahatan manusia. Dalam konteks ini, PB menghujahkan bahawa penolakannya terhadap paparan kejahatan yang rinci, serta pemeragaan nilai-nilai jahat yang diwajarkan atas nama ‘sastera’ adalah bertentangan dengan fitrah manusia yang cenderung kepada kebaikan dan kemakrufan. Untuk itu, PB mengkonsepsikan konsep ‘siratan makna’ yang membolehkan para penulis dan sasterawan untuk meneroka kemampuan kreatif dalam kerangka nilai yang diasaskan pada ilmu yang benar di sisi Allah S.W.T. Adalah jelas bahawa pemanfaatan taklif dalam PB membolehkan kegiatan sastera dinilai berdasarkan ilmu yang benar di sisi Allah S.W.T.

Rujukan

- Abdul Sukor, Abdul Hayei. “Sumbangan Shah Waliyullah Al-Dihlawi Kepada Ilmu Hadith dan Pengaruhnya di Kelantan.” Tesis PhD, Universiti Malaya, 1988.
- Baalbaki, M.. *Al-Mawrid: A Modern Arabic-English Dictionary*. Beirut: Dar El Ilm Lil Malayen, 1997.
- Che Daud, Ismail. *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, Edisi Keempat. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012.
- Al-Dihlawi, S.W.. *Hujjat Allah al-Balighah* 1, ed. Al-Sayyid Sabiq. Beirut: Dar al Jayl li al-Nashr wa al-Tiba‘ah wa al-Tawzi‘, 2005.

Akaliy Narmi et al., "Pengaruh Pemikiran al-Dihlawi mengenai Taklif dalam Kitab *Hujjat Allah al-Balighah*," *Afkär* Vol. 25 No. 1 (2023): 199-230

- Hassan, Mohd. Affandi. *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Hassan, Mohd. Affandi. *Medan-Medan dalam Sistem Persuratan Melayu*. Kota Bharu: Penerbit Tiga Puteri, 1994a.
- Hassan, Mohd. Affandi. "Pemikiran dan Pendekatan dalam Kritikan Sastera Melayu Moden." Dalam *Kesusasteraan Melayu Mitos dan Realiti: Esei/ Kritikan Hadiah Sastera Malaysia 1988/1989*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994: 68-122.
- Hassan, Mohd. Affandi. *Pujangga Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1997.
- Hassan, Mohd. Affandi. "Mengembalikan Peranan Ilmu yang Benar dalam Persuratan Melayu." Dalam *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori & Praktis*, ed. Ungku Maimunah Mohd. Tahir. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010: 289-379.
- Hassan, Mohd. Affandi, Ungku Maimunah Mohd Tahir dan Mohd. Zariat Abdul Rani. *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.
- Hermansen, M. K.. *The Conclusive Argument from God*. Leiden: E.J. Brill, 1996.
- Hidayat, Nuruddin & C. Ramli Bihar Anwar. *Hujjah Allah Al-Balighah: Argumen Puncak Allah: Kearifan dan Dimensi Batin Syariat*. Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta, 2005.
- Idris, Zainuddin & Nik Hassan Nik Abdullah. *Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi*, Juzuk 1. Gombak: IIUM Press, 2015.
- Mohd. Tahir, Ungku Maimunah. "Sastera Islam: Malaysia's Literary Phenomenon of the 1970s and 1980s." Dalam *Readings in Modern Malay Literature*.

Akalily Narmi et al., "Pengaruh Pemikiran al-Dihlawi mengenai Taklif dalam Kitab *Hujjat Allah al-Balighah*," *Afkär* Vol. 25 No. 1 (2023): 199-230

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003: 195-224.

Mohd. Tahir, Ungku Maimunah. "The Construction of Abdulllah Bin Abdul Kadir Munsyi as the Father of Modern Malay Literature: The Role of Westerners." Dalam *Readings in Modern Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003b.

Narmi, Akalily, Mohd. Zariat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin dan Pabiyah Hajimaming @ Toklubok. "Falsafah Taklif dalam Kitab *Hujjat Allah Al-Balighah* karya Syah Waliyullah Al-Dahlawi." Dalam *Eksplorasi Idea dan Pemikiran dalam Bahasa dan Sastera*, ed. Zaitul Azma Zainun Hamzah. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2020: 185-209.

Narmi, Akalily, Mohd. Zariat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin dan Pabiyah Hajimaming @ Toklubok. "Shah Wali Allah Al-Dihlawi's Ideas on the Study of Modern Malay Literature." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(8) (2021): 876-888.

Narmi, Akalily, Mohd. Zariat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin dan Pabiyah Hajimaming @ Toklubok. "Sumbangan Shah Waliyullah Al-Dihlawi dalam Perkembangan Intelektual Islam di Malaysia: Beberapa Perkembangan Mutakhir." *Journal of al-Tamaddun* 17 (1) (2022): 97-108.

Yaacob, Adli dan Siti Nadhirah Kassim. "Sheikh Waliyullah al-Dihlawi and His 'Kitab *Hujjatul al-Baligah*' and Muhammad Affandi Hassan and His Theory of 'Gagasan Persuratan Baru': A Brief Study of the Concept of Islamic Literature." *Proceedings of the 5th International Conference of Arabic Language and Literature*. International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur, 2015: 537-549.

